



**PROGRAM : PERHIMPUNAN BULANAN DAN PELANCARAN
BULAN KEMERDEKAAN**

TARIKH : 10 OGOS (ISNIN)

MASA : 10.30 AM

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA KPDNHEP

SALUTATION

Salam Sejahtera.

Saudara Pengacara Majlis

YB Dato' Rosol bin Wahid

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Yang Berusaha TKSU-TKSU KPDNHEP, Ketua-ketua Agensi,
Pengarah-pengarah Bahagian dan Pengarah-pengarah Negeri,

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan
Puan-puan yang dikasihi sekalian

**Pahlawan handal bermain senjata,
Bijak pula bermain kata,
Aman harmoni negara tercinta,
Berkat usaha sejak merdeka.**

Pendahuluan

1. Bersyukur kita pada hari ini kerana diberi kesempatan untuk berhimpun sempena Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan peringkat KPDNHEP.
2. Tahun ini kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-63 dan seterusnya diikuti dengan sambutan Hari Malaysia ke-57 tahun. Dalam tempoh ini, kemajuan negara telah banyak dikecapi. Walau bagaimanapun, masih terdapat

kawasan yang perlu diberi perhatian dari segi pembangunan supaya limpah kekayaan negara akan dapat dirasakan oleh seluruh rakyat di negara ini.

3. Proses kemerdekaan dan pembentukan Malaysia yang dicapai pada hari ini telah melalui satu proses toleransi yang cukup sempurna, iaitu tidak melibatkan pertumpahan darah seperti yang dialami oleh negara-negara lain. Paduan idea dan tenaga segenap ruang lingkup pemimpin dan masyarakat menjadi kekuatan dan memperteguhkan lagi tekad nenek

moyang kita untuk mendapatkan kemerdekaan dan membentuk persekutuan.

4. Pada hari ini, saya ingin menarik perhatian hadirin semua kepada asas Persekutuan Malaysia yang menjadi bukti toleransi generasi terdahulu terutamanya apabila Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ditubuhkan pada 23 Julai 1961. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil negeri-negeri seperti berikut:

- a. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Tanah Melayu)
- b. Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng (Sarawak)
- c. Tun Mustapha bin Datu Harun (Sabah)
- d. Encik Lee Kuan Yew (Singapura); dan
- e. Dato' Setia Pangeran Ali (Brunei).

5. Keahlian jawatankuasa ini membuktikan bahawa asas kepada pembentukan Malaysia itu adalah lahir daripada sikap keterbukaan dan toleransi dalam kalangan pemimpin dan rakyat dari segenap kaum, agama dan bangsa untuk duduk semeja berjuang ke arah satu matlamat yang sama.

6. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk generasi muda mengetahui sejarah dan proses kemerdekaan dan pembentukan negara supaya rasa cintakan negara dapat diterapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Tahun 2020 merupakan tahun yang cukup mencabar. Seantero dunia telah terjejas dengan wabak Pandemik Covid-19. Wabak ini telah memberi kesan yang amat mendalam kepada rakyat dan negara. Selaras dengan tema sambutan Kemerdekan tahun ini '**Malaysia Prihatin**' di mana 'Malaysia' membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID-19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan

manakala 'Prihatin' pula mewakili keprihatinan Kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat, antara lain melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan serta kelangsungan hidup rakyat Malaysia.

8. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah bertindak pantas melalui beberapa strategi dalam mengawal penularan wabak ini. Walau bagaimanapun janganlah kita alpa kerana kita masih belum menang dalam memeranginya.

9. Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga Kementerian dan agensi sama ada yang terlibat di barisan hadapan mahupun yang bekerja dari rumah semasa tempoh PKP yang lalu, yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan fungsi dan peranan Kementerian tidak terjejas terutamanya bagi memastikan bekalan barangan yang mencukupi pada harga yang berpatutan serta perlindungan pengguna terus dilaksanakan.

10. Sesuai dengan peranan Kementerian dalam memastikan ekonomi domestik dan perlindungan pengguna berfungsi dengan baik, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan, antaranya adalah:

a. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi keseluruhan rangkaian pengedaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan di seluruh negara. Bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2020, sejumlah 96,648 premis perniagaan telah diperiksa oleh anggota penguat

kuasa bagi memastikan pematuhan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak 2,157 kes telah dihasilkan di bawah pelbagai akta dengan nilai rampasan berjumlah RM55,959,149.00. Sebanyak 1,716 kes telah dikompaun sepanjang tempoh PKP/PKPB/PKPP ini dengan kutipan kompaun berjumlah RM946,750.00.

b. Susulan penularan wabak COVID-19, negara telah mengalami kekurangan bekalan topeng muka. Bagi memastikan bekalan topeng muka mencukupi, Kementerian telah melaksanakan larangan eksport topeng muka bermula 18 Mac 2020. Ekoran bekalan topeng muka yang semakin stabil di pasaran tempatan, Jemaah Menteri pada 10 Jun 2020 telah bersetuju dengan cadangan KPDNHEP untuk memberi kelonggaran bersyarat bagi pengeksportan topeng muka ke luar negara pada kadar 50% daripada kapasiti pengeluaran syarikat.

Walau bagaimanapun, aktiviti pemantauan topeng muka akan terus dilaksanakan dan tindakan melarang eksport topeng muka akan diperketatkan semula sekiranya bekalan topeng muka di dalam negara terjejas.

c. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa bermula 15 Ogos 2020 harga siling topeng muka akan diturunkan daripada RM1.50 kepada RM1.20 di peringkat runcit manakala RM1.45 kepada RM1.15 di peringkat borong tertakluk kepada pengumuman terkini.

KPDNHEP terus memantau dan menilai situasi permit dan bekalan serta bersedia menurunkan lagi harga pelitup muka setelah diperhalusi dan mengambil kira kepentingan pengguna, pengilang tempatan dan pengimport.

d. Dalam usaha untuk memperkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan pengguna di negara ini membeli barangan dan perkhidmatan dari Malaysia, Kerajaan telah melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Bagi memastikan kempen ini dapat memberikan impak yang

besar kepada sektor peruncitan tempatan, Kerajaan melalui PENJANA telah memperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi menjayakan kempen ini melalui galakan penandaan barangan buatan tempatan di rangkaian pasar raya dan mewujudkan saluran khusus untuk produk-produk Malaysia di platform e-dagang utama. Saya menyeru warga KPDNHEP turut memainkan peranan untuk merancakkan ekonomi dan membeli barangan buatan Malaysia.

e. Selaras dengan hasrat Kerajaan, MyIPO perlu meningkatkan serta menerapkan kesedaran rakyat mengenai keperluan serta kepentingan untuk melindungi dan menjaga hak harta intelek yang ada. Krisis Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah membentuk norma baharu dalam cara kita bekerja iaitu dengan penggunaan teknologi yang maksima. Ini adalah bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kita kepada para pelanggan tidak terjejas.

f. Program-program seperti bengkel dan seminar kini telah ditukarkan kepada webinar. Positifnya, lebih ramai orang dapat menyertai program-program yang dianjurkan tanpa perlu hadir secara fizikal ke Pejabat MyIPO. Misalnya, saya difahamkan, Webinar Cara Mudah Pemfailan Karya-karya Hakcipta telah disertai oleh lebih 500 orang peserta dan webinar-webinar lain seperti Xplorasi Kepentingan Jenama telah disertai lebih 200 orang peserta dalam talian.

g. Dalam situasi Covid19 yang melanda, MyIPO masih mampu menerima pendaftaran harta intelek dengan baik. Ini dapat dilihat menerusi statistik pendaftaran yang MENINGKAT dengan sangat baik iaitu sebanyak 112% bagi paten, dan 1.3% bagi cap dagangan. Syabas diucapkan kepada MyIPO dan usaha-usaha ke arah peningkatan pendaftaran harta intelek perlu diteruskan.

Hadirin sekalian,

11. Selaras dengan norma baharu, usaha-usaha memperkukuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian hendaklah diberi keutamaan dengan menekankan kepada aspek transformasi dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan untuk melonjakkan lagi prestasi Kementerian dan agensi-agensi sebagai pemudah cara dalam urusan kerajaan.

12. Dalam memastikan inisiatif Kementerian dapat disebarakan dengan lebih menyeluruh, saya memohon kerjasama semua warga kementerian yang memiliki akaun media sosial untuk menjadi *followers* dan *friends* kepada akaun media sosial Kementerian dan pengurusan tertinggi termasuk saya. Warga Kementerian seharusnya sentiasa mengikuti perkembangan kementerian dengan mengikuti *update* dan *posting* Kementerian dan pihak pengurusan.

13. Warga Kementerian juga digalakkan untuk berkongsi maklumat dan inisiatif kementerian dengan keluarga dan rakan di dalam media sosial. Jika tidak mempunyai akaun media sosial, gunalah medium yang bersesuaian dalam berkongsi maklumat berkaitan. *We must be effective and improve the way we disseminate information to the rakyat on the efforts that have been carried out by KPDNHEP.* Ini akan membentuk persepsi positif terhadap Kementerian dan Kerajaan.

14. Setiap warga KPDNHEP harus bersikap patriotik bukan setakat hanya meraikan tetapi perlu dijiwai roh merdeka dan dipraktikkan pada setiap masa dalam setiap perkara yang kita lakukan.

15. Dalam menjiwai patriotisme ini, penghayatan terhadap rukun negara boleh dijadikan sebagai asas pegangan kita pada setiap masa. Saya percaya jika penghayatan dan praktis terhadap rukun negara diamalkan, ia mampu membentuk

masyarakat Malaysia yang padu dan utuh demi kemajuan negara.

PENUTUP

16. Akhir kata, izinkan saya menyampaikan pesanan buat seluruh warga Kementerian untuk sama-sama kita hayati dan renungi erti sebenar merdeka sebagai panduan kelangsungan perjuangan pengisian kemerdekaan:

Genap sudah 63 tahun negara kita merdeka,
Kepayahan mendapatkannya telah kita harungi,
Cabaran mempertahankannya kita gagahi,
Hari ini kita tegap di sini,
Berdiri gagah bebas dari dijajah,
Tanpa menoleh kebelakang,
Kita menuju bangsa yang terbilang,
Transformasi kita laksanakan,
Perpaduan kita paksikan,
Kesejahteraan rakyat kita utamakan,

Ayuh semua,
Bersama bangkit harumkan negara,
Agar Malaysia bersinar di mata dunia.

**Penuh perasaan bersiap ke Pekan,
Sikat rambut selempang bersilang;
Hari kebangsaan kita raikan.
Kita sambut dengan gemilang.**

Merdeka! Merdeka! Merdeka!